

STRATEGI PENINGKATAN PRESTASI PENGAJARAN DAN PEMELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH DARI PERSPEKTIF KENAZIRAN: SATU ANALISIS KRITIS.

**Zakaria Kassim &
Dr. Kamaruddin Yaakub
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
11800 Penang
Malaysia
E-Mail kzak@usm.my
Tel: 604-6577888 ext 2408
Fax: 604-6572907**

Abstrak

Berbagai usaha telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan prestasi pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah, sekolah-sekolah dan pelbagai institusi dan organisasi melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk mempertingkatkan prestasi pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Jemaah Nazir Institusi Pendidikan (JNIP) berperanan menentukan kepiawaian pengajaran dan pemelajaran di sekolah-sekolah sentiasa terjamin dan terpelihara. JNIP tidak terlepas daripada tanggung jawab untuk menentukan ketrampilan berbahasa Melayu di kalangan pelajar di sekolah-sekolah terhakis atas-atas sebab-sebab kepentingan nilai komersial berdasarkan arus perubahan struktur ekonomi Malaysia. Untuk menentukan keberkesanan Dasar Pendidikan Negara, Jemaah Nazir Institusi Pendidikan (JNIP) melaksanakan modus operandi melalui berbagai bentuk pemeriksaan di pelbagai institusi pendidikan, khususnya di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia. Kertas kerja ini meninjau fungsi, rancangan dan matlamat Jemaah Nazir Institusi Pendidikan (JNIP) untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Kertas ini juga membincangkan strategi yang dapat digunakan oleh JNIP untuk mengesan dan memantau matlamat yang telah disediakan tercapai. Bahagian ketiga kertas kerja ini menganalisis kekuatan dan kelemahan strategi yang dilaksanakan serta mengemukakan beberapa alternatif untuk meningkatkan kewibawaan dan keberkesanan JNIP dalam usaha meningkatkan prestasi Bahasa Melayu di sekolah.

**STRATEGI PENINGKATAN PRESTASI PENGAJARAN DAN
PEMELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH DARI
PERSPEKTIF KENAZIRAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA:
SATU ANALISIS KRITIS.**

**Zakaria Kassim &
Dr. Kamaruddin Yaakub
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
11800 Penang
Malaysia
E-Mail kzak@usm.my
Tel: 604-6577888 ext 2408
Fax: 604-6572907**

Prestasi Bahasa Melayu

Prestasi pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menjadi tanda tanya apabila Berita Harian 27 Mac 1996 melaporkan 40,255 daripada 418,607 calon yang menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di seluruh Malaysia tahun 1995 memperolehi peringkat D dan E. Ini bermakna 9.6% pelajar lemah dalam ujian pemahaman serta ujian penulisan Bahasa Melayu sebab semua pelajar mengambil ujian ini. Apa yang menyedihkan lagi apabila akhbar berkenaan melaporkan pencapaian Bahasa Melayu di sekolah SK/SRK bertambah merosot, iaitu terdapat 18.9% pelajar yang mendapat pangkat di bawah C, iaitu di bawah tahap minimum dalam ujian pemahaman. Kalau beginilah keadaannya, bagaimanakah hendak mencapai matlamat supaya tidak terdapat murid yang tidak mampu membaca, menulis dan mengira di peringkat tahun enam sekolah rendah menjelang tahun 2000? Mereka yang gagal ini merupakan "high-risk students" Mereka tidak berupaya melanjutkan pelajaran atau menimba pengetahuan kerana mereka tidak mempunyai persediaan asas yang mantap untuk menimba ilmu pengetahuan. Keadaan sebegini juga boleh memberi sumbangan kepada wujudnya pelbagai masalah salahlaku di sekolah kerana pelajar-pelajar ini ke sekolah bukan untuk

menimba ilmu pengetahuan tetapi merupakan sesuatu kemestian dan memenuhi masa yang terluang. Menyedari keadaan sebegini Menteri Pendidikan Malaysia dalam "Seminar Peningkatan Bahasa Melayu dan Matematik Sekolah Rendah 1996" menyeru pendidik agar berkongsi pengalaman bagi meningkatkan prestasi serta mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan Matematik demi merealisasikan aspirasi negara melahirkan ramai tenaga mahir untuk pembangunan diri, masyarakat dan negara di abad ke 21. Beliau menegaskan bahawa penguasaan Bahasa Melayu yang baik adalah penting kerana statusnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi negara serta ia turut mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran lain. Harus diingat, Kuriulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang dilaksanakan pada tahun 1983 adalah bertujuan antaranya untuk mengatasi keupayaan murid-murid untuk menguasai kemahiran asas 3M; membaca, menulis dan mengira.

Jika ditinjau prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM 1995 di Negeri Perak yang mempunyai 23,346 calon, didapati kualitinya belumlah membanggakan. Hanya 7.1% daripada calon-calon tersebut yang mendapat peringkat terbaik (agregat 1 dan 2) dan 44.3% calon yang mendapat peringkat kepujian (agregat 3 hingga 6), manakala 36.4% hanya diperingkat lulus (agregat 7 dan 8) dan 12.2% adalah gagal. Sebenarnya dalam situasi di Malaysia, jika seseorang itu ingin melanjutkan pelajaran di sekolah kerajaan dan berkhidmat dalam dalam perkhidmatan kerajaan ia haruslah lulus Bahasa Melayu diperingkat kepujian. Ini bermakna kira-kira 49% tidak layak melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dalam institusi pendidikan awam dan tidak layak berkhidmat dalam sektor pentadbiran awam. Kualiti pencapaian Bahasa Malaysia yang sebegini merumitkan lagi pelajar-pelajar untuk lebih berjaya dalam mata pelajaran lain, terutamanya mata pelajaran Sains.

Kertas kerja ini bertujuan menerangkan fungsi, rancangan dan matlamat Jemaah Nazir Institusi Pendidikan (JNIP) untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Kertas ini juga membincangkan strategi yang digunakan oleh JNIP untuk mengesan dan memantau matlamat yang telah disediakan tercapai. Pada

bahagian ketiga kertas kerja ini menganalisis kekuatan dan kelemahan strategi yang dilaksanakan serta mengemukakan beberapa alternatif untuk meningkatkan keberkesanan JNIP dalam usaha meningkatkan prestasi Bahasa Melayu di sekolah.

Jemaah Nazir Institusi Pendidikan

Jemaah Nazir Institusi Pendidikan (JNIP) Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sebuah badan ikhtisas dalam Kementerian Pendidikan Malaysia yang juga turut memainkan peranan untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu agar mencapai hasil yang diharapkan. Jaminan pengekalan tahap ketrampilan berbahasa Melayu adalah penting kerana terdapatnya ledakan nilai komersial yang melanda pada penggunaan Bahasa Melayu bersesuaian dengan arus perubahan ekonomi negara Malaysia.

Penubuhan JNIP adalah berasaskan Laporan Razak 1956 dan ianya ditubuhkan mengikut Akta Pelajaran 1961. Organisasi ini diberi nama Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. Mulai 1 Oktober 1995 (sesuai Akta Pendidikan yang diluluskan oleh sidang parlimen 1995/1996) organisasi ini diberi nama Jemaah Nazir Institusi Pendidikan (JNIP). Perubahan nama organisasi ini sesuai dengan perubahan peranannya sebagai “juru audit” semua institusi pendidikan awam dan swasta. Laporan-laporan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan pentadbiran di institusi pendidikan yang diperiksa disampaikan kepada Menteri Pendidikan “without fear or favour”. Keadaan sebegini dirasakan sesuai dan baik kerana laporan itu adalah benar-benar bebas dari sebarang “bias”, gangguan serta pengubahan fakta demi menjaga kepentingan pihak-pihak tertentu terutamanya di pihak birokrasi. Namun begitu, pihak JNIP perlu melaksanakan cara pemeriksaan, pengumpulan data, pemerosesan data serta penganalisan data yang berkualiti agar laporan serta dapatan yang dikemukakan mempunyai peringkat kesahihan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan itu misi JNIP untuk merealisasikan matlamat dan objektif pendidikan negara melalui penaksiran berkualiti yang memastikan kualiti pendidikan negara bertaraf antarabangsa akan tercapai.

Strategi Mempertingkatkan Prestasi Bahasa Melayu

Langkah merealisasikan visi JNIP terutama mempertingkatkan prestasi Bahasa Melayu, “core business” JNIP yang paling penting ialah menjalankan pemeriksaan yang berkualiti di institusi-institusi pendidikan serta menyediakan laporan pemeriksaan yang berkualiti yang menjadi bahan rujukan kepada pihak-pihak tertentu. Maklumat yang jelas mengenai sesuatu isu di institusi pendidikan dapat menghilangkan beberapa keraguan pihak pelanggan institusi berkenaan. Jenis-jenis pemeriksaan yang dilaksanakan oleh JNIP:

1. Pemeriksaan biasa.
2. Pemeriksaan penuh.
3. Pemeriksaan tindakikut; tujuannya mengenalpasti syor-syor yang dikemukakan dalam laporan pemeriksaan penuh dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.
4. Pemeriksaan khas; seperti menentukan “Guru Pakar” dan “Sekolah Harapan Negara”.
5. Pemeriksaan bertema; seperti mengesan status celik huruf di sekolah-sekolah rendah.

Dalam menentukan prestasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terpelihara dan terjamin, jenis pemeriksaan No 1, 2, 3 dan 5 dilaksanakan.

Selain daripada aktiviti di atas, JNIP juga menerbitkan buku panduan untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, mengadakan ceramah dan bengkel serta menerbitkan Jurnal Kementerian Pendidikan. Oleh kerana bilangan nazir di Semenanjung Malaysia yang terkumpul dalam Panitia Bahasa Melayu JNIP kira-kira 20 orang sahaja, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi Bahasa Melayu di sekolah-sekolah adalah terhad, terutamanya dari segi pemantauan program di peringkat sekolah serta penyeliaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran semua guru Bahasa Melayu. Dengan memuatkan artikel-artikel yang berkualiti dalam Jurnal Kementerian pendidikan terbitan JNIP ini, maka maklumat-maklumat terkini dan profesional dapat disebarkan.

nazir juga memerhati dan menganalisis aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran di peringkat awalan pelajaran, di peringkat perkembangan pelajaran dan di peringkat akhir pelajaran. Strategi penggabungjalinan kemahiran bahasa sekurang-kurangnya dua kemahiran diberi perhatian; contohnya:

lisan membaca/ menulis

membaca lisan/ menulis

menulis lisan/ membaca

Terdapat sepuluh aktiviti sekurang-kurangnya sebagai rujukan kriteria diberi penekanan oleh JNIP dalam proses kemahiran lisan. Ada sepuluh aktiviti sebagai rujukan kriteria diberi penekanan oleh JNIP dalam aspek kemahiran membaca. Terdapat sembilan perkara yang diperhatikan oleh JNIP dalam menjalankan aspek kemahiran penulisan. Kriteria-kriteria itu dinilai dengan menggunakan skala yang ditetapkan. Jumlah skor yang diperolehi diproses dan ditentukan tahap pengajaran dan pembelajaran yang diperhatikan itu sama ada di tahap cemerlang atau di tahap yang memerlukan bimbingan. Pelbagai dapatan dan syor-syor yang dikemukakan dibincangkan terlebih dahulu dengan guru berkenaan dan pihak pentadbir sekolah. Jika terdapat perkara-perkara yang di luar bidang kuasa sekolah, maka ianya disampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Selain daripada aspek-aspek yang dinyatakan di atas, JNIP juga memeriksa aspek-aspek pengajaran pemulihan, pengayaan, penyerapan, penggabungjalinan dan penilaian. Rujukan kriteria juga digunakan untuk memeriksa aspek-aspek ini.

Penganalisan dan Cadangan

1. Disebabkan bilangan nazir yang terhad, bilangan pemeriksaan sekolah yang dilaksanakan juga terhad. Ini bermakna "pengauditan" yang dijalankan tidak kerap dan berterusan. Ini memungkinkan sesuatu perkara yang tidak diingini itu menjadi begitu tenat baru ianya dikenalpasti. Pembetulan keadaan yang tenat ini amat sulit. Dengan itu disarankan agar bilangan nazir yang benar-benar pakar dalam bidang ini di tambah.

2. Syor-syor yang disarankan mungkin disalahtafsir disebabkan kurangnya ketrampilan komunikasi sama ada dipihak penyampai mesej atau penerima mesej. Latihan ketrampilan berkomunikasi terutamanya secara lisan di pihak JNIP dan di pihak sekolah perlu diadakan. Beberapa model komunikasi antara individu bolehlah digunakan.

“Communication skills

- Organisations run on information. People need clear, concise and complete information to plan, organise and execute their responsibilities.
- Whether you're leading a meeting, conducting a performance appraisal or making presentation, you will succeed or fail based on your ability to communicate.
- In a study of the 20 most important skills in management, conducted by the Academy of Certified Administration Managers, listening was ranked as the most valuable skill.
- After analysing 70,000 reports of “near misses and other blunders in American Aviation since 1976,” University of Colorado's Professor Philip Tompkins reported that more than 60 per cent resulted from verbal mistakes - UPS”

Management Times Mac 1996 m.s 15

Berdasarkan kenyataan di atas dapat disimpulkan ketrampilan berkomunikasi itu penting terutamanya komunikasi lisan.

3. Sesuatu perubahan yang diharapkan memerlukan pemantauan yang berterusan agar ianya terus berkekalan serta kefahaman tentang apa yang dimaksudkan. Oleh itu JNIP mungkin boleh melaksanakan anjakan paradigma dimana mengadakan bengkel simulasi atau apa saja projek (sama ada bersendirian atau usaha sama) untuk mewujudkan “incremental learning” dikalangan guru. “Incremental Learning” yang disarankan boleh dilaksanakan fasa demi fasa bergantung kepada keperluan dan kesesuaiannya. Pelaksanaan yang disarankan (berdasarkan modul tertentu) perlu diselia dengan kerap dan kemas secara profesional agar pelaksanaannya wajar. Kegagalan pelaksanaan sesuatu

kaedah atau sesuatu kurikulum itu mungkin bukan terletak kepada kaedah atau kurikulum itu tetapi pelaksanaannya. Diibaratkan, sesuatu ubat yang di beri kepada pesakit itu sesuai, tetapi perlu ditentukan bahawa pesakit itu memakan ubat sebagaimana yang ditetapkan. Terhasilnya sesuatu “product” dari usaha sebegini boleh dituntut hak milik oleh JNIP serta boleh dipasarkan ke institusi pendidikan yang lain. Dalam masa yang sama nazir boleh memenuhi kehendak pelanggannya, membuktikan kewibawaannya dan meningkatkan pasaran profesionalnya.

4. JNIP perlu menentukan piawaian kepada sesuatu perkara yang diperiksa dan dinilai, samaada ianya dari aspek pengajaran, pembelajaran atau pengurusan pendidikan. Tentukan juga bahawa cara penyelesaian yang disarankan itu adalah cara yang terbaik. Dengan kedudukannya terus melaporkan dapatan dan syor kepada Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia, JNIP seharusnya mempunyai pengaruh yang kuat dan dapat menentukan syor itu dilaksanakan dengan kadar yang segera dan cara yang sempurna. Peluang yang ada ini perlu digunakan oleh JNIP sebaik mungkin untuk lebih berperanan dalam meningkatkan prestasi Bahasa Melayu. Pihak JNIP seharusnya dapat mengesan kekurangan aspek tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan mengemukakan syor alternatif. Pihak pasukan pelaksana kurikulum selain daripada mendapat ganjaran daripada aktiviti yang dijalankan, mereka juga boleh menerima “hukuman” akibat dari kelemahan profesional. Dalam pengurusan profesional dewasa ini, Malaysia memerlukan pasukan pelaksana dasar yang berwibawa, kreatif, bertanggungjawab, penyayang dan cekap.

Rujukan

Jabatan Pendidikan Negeri Perak (1996). Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1995: Analisis Mata Pelajaran Negeri Perak. Nota edaran ke sekolah.

Jemaah Nazir Institusi Pendidikan Negeri Pulau Pinang (1996). Visi dan misi Jemaah Nazir Institusi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Nota edaran.

Mohamad Muda. (1996). Tingkatkan mutu pengajaran. Berita Harian 27 Mac 1996. m.s. 27. Kuala Lumpur, Berita Harian Publication.

Panitia Bahasa Malaysia Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1989). Strategi mempertingkatkan prestasi Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah. Kuala Lumpur, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan.

United Publishing Service (1996). Mendengar dan memberi maklumbalas. Dewan Ekonomi Mac 1996. Jil 03 Bil 03. m.s. 23-24.